



# ANALISIS TERHADAP HADITH TENTANG PENYAMATARAFAN WANITA DAN HAIWAN: ULASAN DAN KRITIKAN

Norhasnira Ibrahim, Nur Saadah Hamisan@Khair, Shumsudin Yabi  
*Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*

## Abstract

Selari dengan proses perkembangan sosialisasi semasa, cabaran terhadap sumber Islam juga sentiasa berkembang daripada pelbagai sudut yang berbeza. Khususnya terhadap isu yang berkaitan wanita, terdapat beberapa hadith yang dianggap merendahkan martabat wanita dan menyekat hak kebebasan wanita sebagai mana yang telah diujahkan oleh golongan anti hadis, feminis dan orientalis. Manifestasi ketidakadilan jantina ini seterusnya menghasilkan penyebaran hadis-hadis misoginis (anti-wanita) yang telah disalahertikan interpretasinya. Kajian ini memfokuskan kepada hadith sahih yang dikatakan telah menyamatarafkan wanita dengan anjing dan keldai. Penjelasan mengenainya akan menyentuh perihal matan, pengertian kalimah, hukum yang dikeluarkan daripada hadith dan ulasan para ulama' yang muktabar sebagai pencerahan bagi salahfaham terhadap hadith tersebut.

**Kata kunci:** hadith, misoginis, feminisme, wanita, haiwan

## Abstract

In line with the current development of socialization, the challenge of Islamic sources has also evolved from different angles. Particularly on women-related issues, there are several hadiths which are considered to degrade women's dignity and restrict the rights of women as have been argued and debated by anti-hadith groups, feminists and orientalis. The manifestation of gender inequality further resulted in the spread of hadiths that have been labelled as misogyny or anti-women which have been misinterpreted. This study focuses on the authentic hadiths that have been said to consider women have similar status with animal such as dog and donkey. Explanation of this debate will highlight on the matn (text) of the hadith, the meaning of the word, the law issued from the hadith, and the commentary of the scholars' as a justification towards the misunderstanding of the selected hadith.

**Keywords:** hadith, misogyny, feminism, women, animal

## Article Progress

Received: 11 April 2018  
Revised : 10 May 2018  
Accepted: 28 May 2018

\*Corresponding Author:  
Norhasnira Ibrahim,  
Fakulti Pengajian Quran  
Sunnah, Universiti Sains Islam  
Malaysia.  
Email:  
norhasnira@usim.edu.my

## 1. PENGENALAN

Terdapat beberapa dakwaan yang menyatakan bahawa kandungan yang terdapat dalam hadith telah menghina dan merendahkan martabat kaum wanita sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Tuduhan ini menyumbang kepada pandangan bahawa wanita Islam ditindas, terpencil, dieksploitasi dan dianiaya, secara serentak mempromosikan sifat patriarki masyarakat Islam yang membawa kepada diskriminasi terhadap wanita (Afshari, 1994; Hasan, 2012). Kebanyakan tujahan ini dibawa oleh golongan anti-hadith, orientalis dan juga feminis yang meragui status dan kedudukan hadith sebagai salah satu rujukan utama Islam.

Banyak hadis berkaitan dengan wanita telah direka, dipalsukan dan kemudian diedarkan mengikut peredaran zaman dan keperluan masyarakat. Antara contoh hadith yang meragukan ialah: wanita tidak seharusnya diajar untuk membaca atau menulis tetapi harus diajar untuk mengait; wanita harus dibiarkan lapar agar mereka dapat kekal duduk di dalam rumah; dan beberapa lagi contoh, tetapi semua laporan ini ditolak sebagai palsu oleh sebilangan besar ulama'. Walau bagaimanapun, ia menjadi cabaran sebenar di kalangan umat Islam apabila hadith yang sahih bukan sahaja dipersoalkan tetapi ditolak kerana isi kandungannya yang membawa kepada kontroversi. Di antaranya ialah hadith yang mengatakan bahawa seorang wanita diciptakan dari tulang rusuk; wanita kurang akal dan agamanya; kebanyakan penduduk neraka adalah wanita; wanita adalah salah satu petanda jahat; wanita adalah pembawa fitnah; kelemahan wanita sebagai pemimpin dalam bidang sosial dan politik; dan lain lain lagi.

Walaupun perdebatan itu dianggap besar, jumlah hadith yang telah dilabelkan sebagai misogini atau anti-wanita adalah agak kecil berbanding dengan bilangan hadith yang menggalakkan kesaksamaan, kebebasan dan keadilan untuk hak-hak wanita. Satu penyelidikan baru-baru ini telah mendapati bahawa bilangan hadith yang mengandungi wacana anti-wanita di dalam kitab *Sahīh al-Bukhāri* hanyalah 36 daripada 636 Hadis dan peratusan adalah 0.48% yang kurang daripada 1% (Khair & Dahlan, 2017). Dapatan yang hampir serupa juga mungkin ditemui di dalam kitab-kitab hadith yang lain. Asma Barlas juga menimbulkan persoalan yang sama mengapa sebilangan kecil hadith yang telah dituduh sebagai anti-wanita telah mendapat perhatian dan kontroversi yang besar berbanding dengan bilangan riwayat yang menekankan aspek positif terhadap wanita, kerana salah tafsir dan salah faham umat Islam terhadap Hadith (Barlas, 2002). Selain itu, tidak dapat dinafikan bahawa sebilangan kecil hadith yang telah dilabel sebagai anti-wanita tersebut telah ditafsirkan secara patriarki, dan kesan tafsiran tersebut membawa impak yang sangat besar terhadap imej wanita dalam Islam.

## 2. HUKUM FEMINIS TERHADAP HADITH MISOGINIS

Para feminis, khususnya, telah mengambil beberapa langkah untuk mengkritik hadith-hadith tersebut dan berusaha untuk menilai hadith-hadith tersebut semula dengan cara dan metod yang berbeza. Mereka telah memberi gelaran kepada hadith-hadith yang dianggap mendiskriminasi wanita sebagai misogini atau anti-wanita. Mereka mempersoalkan bahawa adakah hadith-hadith tersebut benar-benar berasal daripada kata-kata Nabi Muhammad SAW ataupun hanyalah interpretasi daripada mereka yang meriwayatkan hadith tersebut. Ini adalah kerana feminis meragui kebolehpercayaan dan kredibiliti perawi hadith yang telah didominasi oleh kaum lelaki yang membawa kebarangkalian untuk berlaku tidak adil kepada kaum wanita. Seseengah sahabat Nabi juga telah dilabelkan sebagai anti-wanita. Menurut Mernissi (1991): "Jika hak-hak wanita menjadi masalah bagi beberapa orang Muslim moden, ia bukanlah kerana Al-Quran atau Nabi, ataupun tradisi Islam, tetapi semata-mata kerana hak-hak tersebut bertentangan dengan kepentingan elit kaum lelaki".

Fatima Mernissi adalah salah seorang feminis yang aktif mengkritik hadith-hadith yang berkaitan wanita. Di dalam bukunya yang berjudul *The Veil and the Male Elie: A Feminist Interpretation of Women's Right in Islam* atau juga diberi judul *Women and Islam* (Mernissi, 1991) membahaskan beberapa hadith yang berunsur misoginis dan merendahkan martabat kaum wanita. Beliau berpendapat bahawa semua hadith, termasuk yang sahih adalah terbuka untuk dipersoalkan dan mesti diperiksa semula, apatah lagi hadith misogini yang mungkin telah dimanipulasi oleh para perawi berjantina lelaki.



Antara hadith yang menjadi fokus kajian Mernissi ialah hadith yang menyamatarafkan wanita dengan kedudukan anjing dan keldai, dan juga hadith yang melarang wanita menjadi seorang pemimpin atau pemerintah. Menggunakan kaedah kajian sejarah dan linguistik, Mernissi mendakwa bahawa kedua-dua hadith tersebut diragui kesahihannya. Walaupun beliau merujuk kepada kaedah tradisional Islam dalam menilai sesebuah hadith, metod yang telah digunakan sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh kaedah sosiologi moden dan perspektif feminis untuk menghasilkan kesimpulan yang provokatif. Menurutnya, hadith tersebut telah mengalami penyimpangan dan pemalsuan kerana dimanipulasi dan diputarbelitkan oleh kaum lelaki untuk mengekalkan sistem patriarki. Beliau juga menuduh Islam sebagai agama yang meletakkan wanita sebagai simbol kemusnahan (Abu Bakar, 1994).

Hadith yang menyamatarafkan wanita dengan kedudukan anjing dan keldai juga telah dibahas oleh beberapa feminis lain. Antaranya ialah Ruth Roded (1999) dalam bukunya yang berjudul *Women in Islam and the Middle East: A Reader*; Kecia Ali (2004) dalam artikelnya yang bertajuk "A Beautiful Example": *The Prophet Muhammad as a Model for Muslim Husband*; Hidayat Sefkatli Tuksal (2000) dalam bukunya yang ditulis dalam bahasa Turki *Kadın Karşısı Söylemin İslam Geleneğindeki İzdüşümleri*; Wardah Hafidz (1993) dalam artikelnya yang bertajuk *Misogyny Dalam Fundamentalisme Islam*; dan beberapa feminis lain. Kebanyakan mereka ini menolak dan mengecam kedudukan hadith tersebut dan membuat tuduhan bahawa ia adalah hadith yang sangat lemah kerana menghina dan mendiskriminasikan kaum wanita.

### 3. TEKS HADITH: TAKHRIJ DAN ANALISIS

Hadith yang menyebut tentang kedudukan wanita, keldai dan anjing boleh ditemui di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Sunan al-Nasa'ī*, *Sunan Ibn Mājah*, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaimah* dan *Sunan al-Dārimi* dengan lafaz teks hadith yang pelbagai. Perawi yang meriwayatkan hadith tersebut juga terdiri daripada orang yang berbeza iaitu: Abu Hurayrah, Abu Dhar, Ibn Abbas, Qatadah, 'Abdullah bin Mughaffal, 'Abdullah bin Samit, dan Hasan al-'Urani.

Salah satu teks hadith tersebut boleh diterjemahkan seperti berikut:

عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: "يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْمَرْأَةُ وَالْحِمَارُ وَالْكَلْبُ، وَالْحِمَارُ"

Sabda Rasulullah SAW: "Solat itu terputus oleh wanita, keldai dan anjing."

Apabila diteliti melalui pelbagai teks di dalam kitab hadith yang berbeza, hadith ini pada dasarnya adalah mengenai perintah Rasulullah SAW agar diletakkan *sutrah* atau penghadang di hadapan orang yang sedang menunaikan solat. Teks hadith yang lebih panjang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah r.a. iaitu :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْمَرْأَةُ وَالْحِمَارُ وَالْكَلْبُ، وَيَبْقَى ذَلِكَ مِثْلُ مُؤَخَّرَةِ الرَّحْلِ"

Sabda Rasulullah SAW: Solat akan terputus disebabkan oleh wanita, keldai dan anjing. Oleh itu, letakkanlah penghadang (di hadapannya) sepanjang pelana haiwan tunggangan. (*Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 1034)

Terdapat teks lain yang menyebut secara spesifik bahawa wanita yang dimaksudkan ialah wanita yang berada dalam keadaan haidh. Ibn 'Abbas telah meriwayatkan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ "يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْكَلْبُ الْأَسْوَدُ وَالْمَرْأَةُ الْحَائِضُ"

Sabda Rasulullah SAW: Solat akan terputus disebabkan oleh anjing hitam dan wanita dalam keadaan haidh. (*Sunan Abu Dāwūd*, 2: 703; *Sunan al-Nasa'ī*, 1: 9: 752)

Menurut Yusuf al-Qaradawi (2006) didalam kitabnya *Kaifa Nata'amal ma'a al-Sunnah*, terdapat lapan disiplin yang perlu dipatuhi ketika berinteraksi dengan hadith-hadith Rasulullah SAW iaitu:

1. Memahami hadith berdasarkan al-Quran.
2. Menghimpunkan hadith-hadith yang berkaitan dalam satu tajuk.
3. Mentarjihkan hadith yang kelihatan bercanggah.
4. Memahami hadith berdasarkan asbab al-wurud.
5. Membezakan wasilah yang berubah dan tujuan yang tetap.
6. Memisahkan perkara yang hakiki dan simbolik.
7. Memahami antara yang ghaib dan nyata.
8. Memastikan makna sebenar bagi lafaz hadith.

Merujuk kepada hadith tersebut, terdapat pihak yang memberi gambaran bahawa agama Islam telah meletakkan wanita pada kedudukan yang setaraf dengan haiwan iaitu anjing dan keldai. Jika diterjemahkan secara literal dan *harfiyyah*nya, memang pada dasarnya akan difahami bahawa solat seseorang itu akan terputus sekiranya dilintasi oleh wanita, anjing dan keldai. Namun, jika dirujuk kepada disiplin yang telah digariskan oleh Yusuf Al-Qaradawi, hadith-hadith yang berkaitan sesuatu tajuk perbahasan mestilah dikumpulkan agar isu utama perbincangan mengenainya dapat dikenalpasti dengan jelas dan baik. Dengan ini, ia dapat mengelakkan sebarang salah faham terhadap sesebuah hadith kerana terdapat sesetengah pihak yang hanya memahami sebahagian daripadanya tanpa merujuk kepada maksud sebenar bagi keseluruhan hadith. Menurut Al-Zarkashi (1980), terdapat hadith lain yang lebih *rājiḥ* untuk menolak hadith-hadith yang telah disebutkan di atas.

#### 4. ISU DAN HUKUM DARIPADA HADITH

Hadith yang menyatakan wanita, anjing dan keldai berada di dalam satu keadaan yang sama dan setaraf tidak dinafikan menimbulkan kontroversi bagi mereka yang tidak memahaminya. Hadith ini perlu dilihat dari pelbagai aspek yang berbeza menggunakan kaedah yang betul sebelum membuat sebarang andaian dan hukuman. Walaupun hadith tersebut ditemui di dalam kitab-kitab yang sahih, terdapat beberapa hadith yang lebih tinggi darjatnya dan diriwayatkan oleh orang yang paling rapat dengan Rasulullah SAW iaitu 'Aisyah R.A memberi respon secara peribadi terhadap hadith tersebut. Antara isu dan perbahasan hukum yang boleh dikeluarkan daripada hadith tersebut adalah seperti berikut:

##### Solat Terputus Kerana Wanita

Merujuk kepada perbahasan mengenai solat terputus disebabkan wanita, 'Aisyah R.A telah menyatakan respon beliau terhadap hadith ini, dengan menyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah menunaikan solat ketika dia berada di hadapannya dan baginda meneruskan solatnya seperti biasa. Ia telah diriwayatkan di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan al-Nasa'ī* dan *Sunan Ibn Mājah* dengan lafaz teks hadith yang pelbagai. Antara teks hadithnya ialah:

عَنْ عَائِشَةَ، ذُكِرَ عِنْدَهَا مَا يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْكَلْبُ وَالْحِمَارُ وَالْمَرْأَةُ، فَقَالَتْ: شَبَّهْتُمُونَا بِالْحُمْرِ وَالْكِلَابِ، وَاللَّهِ لَقَدْ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي وَإِنِّي عَلَى السَّرِيرِ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ مُضْطَجِعَةً، فَتَبَدُّو لِي الْحَاجَةَ، فَأَكْرَهُ أَنْ أَجْلِسَ، فَأَوْذَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَنْسَلُ مِنْ عِنْدِ رِجْلَيْهِ.

...telah dinyatakan kepada 'Aisyah tentang beberapa perkara yang dapat memutuskan solat dan mereka berkata: "Solat diputuskan oleh anjing, keldai dan wanita". 'Aisyah berkata: "Kamu telah menyamakan kami (wanita) dengan keldai dan anjing. Demi Allah, sesungguhnya aku telah melihat Rasulullah SAW menunaikan solat dan aku berbaring di atas katil di antara Baginda dan kiblat (di hadapan Baginda). Kemudian aku memerlukan sesuatu dan aku tidak suka untuk duduk dan mengganggu Nabi SAW, lalu aku bergerak perlahan-lahan mendekati kaki Baginda." (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1: 9: 490)



عَنْ عَائِشَةَ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي مِنَ اللَّيْلِ وَأَنَا مُعْتَرِضَةٌ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ، كَاعْتِرَاضِ الْجَنَازَةِ

'Aisyah berkata: "Sesungguhnya Nabi SAW solat di waktu malam dan aku dalam keadaan berbaring di hadapan Baginda dan kiblat, (dalam keadaan) seperti melintangnya jenazah."

Isteri Rasulullah SAW yang bernama Maymunah juga telah meriwayatkan hadith yang hampir sama dengan hadith 'Aisyah yang menyatakan baginda pernah menunaikan solat di hadapannya ketika dia dalam keadaan haid.

حَدَّثَنِي مَيْمُونَةُ، زَوْجُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي وَأَنَا حِدَاءَهُ وَأَنَا حَائِضٌ وَرَبَّمَا أَصَابَنِي نُؤْبُهُ إِذَا سَجَدَ .

Maymunah, isteri Nabi SAW telah berkata: "Sesungguhnya Nabi SAW sedang menunaikan solat dan aku berada bertentangan dengannya dan aku berada dalam keadaan haid. Kadang-kadang bajunya menyentuh aku ketika baginda sujud." (Sahih Muslim, 4: 1041)

Hadith yang telah diriwayatkan oleh 'Aisyah dan Maymunah di atas kelihatan bercanggah dengan hadith yang menjadi topik utama perbincangan ini. Dengan ini, salah satu kaedah sebagaimana yang disarankan oleh al-Qaradawi (2006) adalah amat penting untuk diaplikasikan dalam pencarian maksud sebenar bagi sesebuah hadith. Sekiranya terdapat hadith yang kelihatan seolah-olah bercanggah (pada zahirnya) dengan hadith yang lain, maka penyelesaian yang sesuai adalah memurnikan percanggahan tersebut dengan menggunakan ilmu *mukhtalaf al-hadith*. Hadith-hadith tersebut perlu diselaraskan terlebih dahulu agar ianya saling menyempurnakan diantara satu sama lain. Seterusnya diikuti pula dengan proses 'tarjih' iaitu mengambil satu nas hadith dan meninggalkan nas hadith yang lain.

Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah mempunyai *syāhid* daripada Ibn 'Abbas, Abu Dhar dan Abdullah bin Mughaffal, sedangkan hadith riwayat 'Aisyah adalah sebaliknya. Di dalam kitab *Fath al-Bārī*, Imam Ibn Hajar Al-'Asqalani (1960) memetik pendapat al-Tahawi bahawa hadith riwayat Abu Dhar dan selainnya telah *dimansukhkan* oleh hadith 'Aisyah. Walaupun tidak mempunyai *syāhid*, namun hadith riwayat 'Aisyah bertaraf sahih dengan memiliki jalur periwayatan yang bersambung sanadnya, tiada *'illah* dan *syādh* (kecacatan) padanya. Tambahan pula, Saidatina 'Aisyah terkenal kerana kedabitan dan kethiqahnya dan merupakan isteri Rasulullah SAW yang paling rapat dan beliau sendiri telah mengalami keadaan tersebut di sisi Baginda.

### Solat Terputus Kerana Keldai

Sementara itu, mengenai terputusnya solat dengan melintasnya keldai di hadapan orang yang sedang solat, terdapat hadith lain yang turut menyentuh perihal mengenainya. Imam al-Bukhari, Abu Dawud dan Ahmad telah meriwayatkan hadith daripada Ibn 'Abbas sepertimana yang berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: أَقْبَلْتُ رَاكِبًا عَلَى جِمَارٍ أَتَانِ، وَأَنَا يَوْمَئِذٍ قَدْ نَاهَزْتُ الْإِحْتِلَامَ، وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي بِيَمِينِي إِلَى غَيْرِ جِدَارٍ، فَمَرَرْتُ بَيْنَ يَدَيْ بَعْضِ الصَّفِّ، وَأَرْسَلْتُ الْأَتَانَ تَرْتَعُ، فَدَخَلْتُ فِي الصَّفِّ، فَلَمْ يُنْكِرْ ذَلِكَ عَلَيَّ



Daripada Ibn 'Abbas berkata: "Aku datang dengan menunggang keldai betina dan pada ketika itu aku hampir baligh. (Pada waktu itu) Rasulullah sedang solat di Mina tanpa mengadap dinding, maka aku melintas di hadapan sebahagian saf dan aku melepaskan keldai betina tersebut agar bebas mencari makanan. Aku masuk ke dalam saf dan tiada seorangpun yang menyalahkan aku." (Sahih al-Bukhari, 1: 9: 472; Sunan Abū Dāwud, 2: 714; Musnad Ahmad, 3184, 3185)

Hadith ini bertaraf sahih dan telah diriwayatkan oleh para perawi yang *thiqah* iaitu 'Ubaidillah bin 'Abdullah bin 'Utbah, Ibn Syihab, Malik dan Ismail bin Abi Uwais. Sementara itu, Imam Ahmad, Ibn Khuzaimah dan al-Tabarani telah meriwayatkan hadith melalui jalur sanad al-Hakam bin Aban daripada Ibn 'Abbas:

قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ "رَكَزَتِ الْعَنْزَةُ بَيْنَ يَدَيْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، بِعَرَفَاتٍ، فَصَلَّى إِلَيْهَا وَالْحِمَارُ يَمُرُّ مِنْ وَرَاءِ الْعَنْزَةِ"

Ibn 'Abbas berkata: "Sebatang tombak telah dipacakkan di hadapan Rasulullah SAW di Arafah dan Baginda solat dengan mengadap ke arahnya, sedangkan keldai-keldai berkeliaran di belakang tombak tersebut." (Musnad Ahmad, 3184, 3185; Sahih Ibn Khuzaimah, 840; Al-Mu'jam al-Kabir li al-Tabrani, 11620)

Melalui hadith ini dapat difahami bahawa Rasulullah SAW pernah bersolat di 'Arafah dan ketika itu keldai-keldai berkeliaran di hadapannya. Baginda memacakkan sebatang tombak untuk dijadikan sebagai penghadang dan tetap meneruskan solat tanpa mengulanginya semula. Para sahabat pernah bertanya kepada Rasulullah mengenainya sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Musa bin Talhah daripada bapanya:

عَنْ مُوسَى بْنِ طَلْحَةَ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: كُنَّا نُصَلِّي وَالذَّوَابُ تَمُرُّ بَيْنَ أَيْدِينَا فَذَكَرْنَا ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "مِثْلُ مُؤَخَّرَةِ الرَّحْلِ تَكُونُ بَيْنَ يَدَيْ أَحَدِكُمْ، ثُمَّ لَا يَضُرُّهُ مَا مَرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ".

Daripada Musa bin Talhah, daripada bapanya berkata: "Kami pernah solat sedangkan haiwan tunggangan kami lalu-lalang di hadapan kami, lalu kami menceritakan situasi tersebut kepada Rasulullah SAW. Baginda bersabda: "Sekiranya terdapat objek seperti pelana haiwan tunggangan yang diletakkan di hadapan kamu sebagai penghadang, maka sesuatu yang melintas di hadapannya tidak akan memudaratkan solatnya." (Sahih Muslim, 4: 1006)

Hadith itu dengan jelas menerangkan bahawa solat tidak akan terjejas sekiranya diletakkan penghadang di hadapan orang yang sedang bersolat. Jika ditelusuri sejarah dan situasi sosial masyarakat pada ketika itu, kita akan dapati bahawa mereka menunaikan solat di mana-mana sahaja sama ada di tanah lapang atau di tempat yang terbuka. Ini adalah kerana bumi Allah adalah suci dan dijadikan tempat untuk beribadat selagimana tidak dicemari oleh sebarang najis. Mereka juga tidak membataskan masjid sebagai satu-satunya tempat untuk menunaikan solat dan masjid yang didirikan pada waktu itu tidak kesemuanya berdinging. Oleh itu Rasulullah SAW memerintahkan agar para sahabat mengambil inisiatif dengan meletakkan penghadang seperti tongkat, lembing, tiang, pelana haiwan tunggangan atau apa sahaja objek di bahagian hadapan apabila ingin mendirikan solat agar ianya tidak terganggu.

### Solat Terputus Kerana Anjing

Bagi isu solat yang terputus kerana anjing pula, terdapat penambahan perkataan *الْأَسْوَدُ* merujuk kepada anjing berwarna hitam. Anjing hitam tersebut juga dimaksudkan sebagai syaitan, sepertimana disebut juga dalam hadith yang telah diriwayatkan oleh Abu Dhar. Ini adalah berdasarkan pertanyaan Abdullah bin al-Samit kepada Abu Dhar sepertimana hadith yang berikut:



عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الصَّامِتِ، عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: " يَفْطَعُ صَلَاةَ الرَّجُلِ ". وَقَالَ: عَنْ  
سُلَيْمَانَ، قَالَ أَبُو ذَرٍّ: " يَفْطَعُ صَلَاةَ الرَّجُلِ إِذَا لَمْ يَكُنْ بَيْنَ يَدَيْهِ قَيْدُ آخِرَةِ الرَّحْلِ: الْحِمَاؤُ وَالْكَلْبُ  
الْأَسْوَدُ وَالْمَرَاةُ ". فَقُلْتُ: مَا بَالُ الْأَسْوَدِ مِنَ الْأَحْمَرِ مِنَ الْأَصْفَرِ مِنَ الْأَبْيَضِ، فَقَالَ: يَا ابْنَ أَخِي سَأَلْتُ  
رَسُولَ اللَّهِ ﷺ كَمَا سَأَلْتَنِي فَقَالَ: " الْكَلْبُ الْأَسْوَدُ شَيْطَانٌ "

Daripada Abu Dhar berkata, sabda Rasulullah SAW: "Solat seseorang itu akan terputus apabila tidak diletakkan penghadang seperti pelana haiwan tunggangan (di hadapannya) oleh keldai, anjing hitam dan wanita." Dan aku (Abdullah bin al-Samit) bertanya: "Apakah perbezaan di antara anjing hitam, merah, kuning dan putih?" Jawab Abu Dhar: Wahai saudaraku, sesungguhnya aku telah bertanyakan mengenainya kepada Rasulullah SAW dan Baginda menjawab: "Anjing hitam adalah syaitan." (Sahīḥ Muslim, 4: 1032; Jāmi' al-Tirmidhī, 1: 2: 338; Sunan Abi Dāwud, 2: 702; Sunan al-Nasa'ī, 1: 9: 751; Sunan Ibn Mājah, 1: 5: 952; Sahīḥ Ibn Khuzaimah, 830; Sunan al-Dārimi, 1454)

Pengkhuisan anjing hitam ini hanya didapati daripada riwayat Abu Dhar sedangkan Abu Hurairah dan Ibn 'Abbas tidak meriwayatkannya. Menurut Abu Dhar, anjing hitam adalah berbeza daripada anjing yang berwarna merah, kuning dan putih kerana ia merupakan simbol kepada syaitan. Sepertimana yang telah kita ketahui, syaitan akan sentiasa mengganggu manusia dalam segenap aspek kehidupan termasuklah melalaikan manusia terutamanya ketika solat.

Berdasarkan hadith riwayat Abu Dhar ini, Ishaq bin Rahawaih berpendapat bahawa hanya anjing hitam sahaja yang boleh memutuskan solat seseorang (al-Shawkāni, 1998). Di samping itu, Ibn Daqiq al-'Aid menyatakan bahawa tiada sebarang hadith yang bercanggah atau menafikan terputusnya solat oleh anjing hitam dan tiada pengecualian baginya sepertimana wanita dan keldai yang telah dinyatakan sebelum ini (Al-'Asqalani, 1960).

### Kalimah *Qaṭa'a* (قطع)

Merujuk kepada disiplin terakhir yang telah ditetapkan oleh al-Qaradawi (2006), sesebuah hadith itu mestilah difahami dengan cara memastikan makna sebenar bagi lafaz hadith. Untuk memahami sesebuah hadith dengan baik, kemahiran Bahasa Arab amatlah penting agar ianya tidak difahami dengan definisi yang salah. Bagi hadith ini, lafaz yang paling penting untuk difahami ialah *qaṭa'a* (قطع).

Perkataan *qaṭa'a* membawa maksud memotong, memutuskan dan menghentikan. Sementara itu *qaṭa'a al-salat* (قطع الصلاة) di dalam *al-Mu'jam al-Wasīf* bererti terbatalnya solat kerana bercakap atau berhadad (Ibrahim Anis, 1972). Imam al-Shawkani (1998) memetik pendapat Imam al-Nawawi (2000) bahawa lafaz 'memotong' di sini bererti mengurangkan pahala solat kerana kesibukan hatinya, bukannya membatalkan solat. Di samping itu, Imam al-Syafi'i juga turut menegaskan bahawa lafaz *qaṭa'a* di dalam hadith tersebut ialah mengurangkan kekhayusan di dalam solat dan bukan membatalkannya (Al-'Asqalani, 1960). Oleh itu, hadith ini sebenarnya bermaksud bahawa sekiranya tiada sebarang penghadang yang diletakkan di hadapan orang yang bersolat, maka kesempurnaan solatnya akan terjejas lantaran wujudnya gangguan didalam kekhayusan dan konsentrasi solat. Dengan ini ia secara automatiknya akan mengurangkan ganjaran serta pahala solat, tetapi ia tidaklah membatalkan keseluruhan ibadah solat itu.

Merujuk kepada hadith mengenai perintah meletakkan penghadang yang telah dinyatakan sebelum ini, di sini dapat difahami bahawa seseorang yang ingin menunaikan solat hendaklah berusaha untuk membuat penghadang di hadapannya agar tidak diganggu oleh sesuatu yang melintas di hadapannya. Berdasarkan kaedah qiyas dan tujuan hadis *maqāṣid al-nās*, seseorang yang ingin menunaikan solat hendaklah menghadang dirinya daripada apa sahaja yang boleh mengganggu dan mengurangkan kesempurnaan



solatnya. Ianya merangkumi kesemua perkara dan tidaklah terbatas kepada tiga faktor itu (wanita, keldai dan anjing) sahaja. Hadith perintah menghalang orang melintas telah diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri iaitu:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنَ النَّاسِ فَأَرَادَ أَحَدٌ أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ، فَلْيَدْفَعْهُ فَإِنَّ أَبِي فَلْيَقَاتِلْهُ فَإِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ"

Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu mendirikan solat dengan mengadap kepada penghadang yang memisahkannya daripada orang ramai, kemudian ada seseorang yang ingin melintas di hadapannya, maka halanglah dia. Sekiranya dia enggan maka lawanlah dia kerana itu adalah syaitan.” (Sahih al-Bukhari, 1: 9: 487; Sahih Muslim, 4: 1023)

### Hukum yang Dikeluarkan Daripada Hadith

Para ulama' Islam yang muftakar telah mengemukakan pandangan mereka mengenai hukum yang dikeluarkan daripada hadith ini. Jumhur ulama' seperti Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad, Imam Malik dan Imam Syafi'i sepakat mengatakan bahawa solat tidak terbatal disebabkan oleh wanita (al-San'ani, 1998) berdasarkan hadith riwayat 'Aisyah yang pernah tidur di hadapan Rasulullah SAW. Imam Ahmad bin Hanbal pula berpendapat bahawa solat akan terputus dengan melintasnya anjing, keldai dan wanita kecuali wanita yang sedang di dalam keadaan berbaring (Ibn Hazm, 1997) bersandarkan kepada kisah 'Aisyah dalam keadaan berbaring di hadapan Rasulullah SAW ketika Baginda sedang menunaikan solat.

Selain wanita, keldai juga bukanlah faktor yang membatalkan solat dengan merujuk kepada hadith riwayat Ibn 'Abbas yang pernah menunggang keldai betina di hadapan para jemaah solat. Sementara itu tiada sebarang perselisihan pendapat di kalangan ulama' mengenai terputusnya solat jika dilintasi oleh anjing hitam. Solat seseorang itu tidak akan terputus oleh tiga faktor tersebut ataupun selainnya sekiranya ia telah memenuhi syarat yang telah diperintahkan oleh Rasulullah SAW iaitu dengan meletakkan penghadang di hadapannya agar tidak mengganggu konsentrasi semasa solat.

### 5. KESIMPULAN

Melintasnya wanita, keldai dan anjing di hadapan orang yang sedang menunaikan solat tidak termasuk di dalam hal yang akan membatalkan solat. Himpunan ketiga-tiga perkara tersebut di dalam sebuah hadith bukanlah bermaksud untuk menempatkan kaum wanita sebaris dengan taraf haiwan kerana agama Islam amat memuliakan wanita dan tidak pernah sesekali mendiskriminasikan mereka. Allah SWT telah berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ  
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

“Wahai manusia, sesungguhnya Kami jadikan kamu daripada kaum lelaki dan wanita dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa agar kamu dapat berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah ialah orang yang bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui tentang sesuatu.” (Surah al-Hujurat, 49: 13)

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ  
لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ



“Kamu (lelaki dan perempuan) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi manusia, kerana kamu menyuruh berbuat kebaikan dan melarang perkara mungkar serta kamu beriman kepada Allah...” (Surah Āli ‘Imrān, 3: 110)

Jika diperhalusi, kita akan memperoleh jawapan kenapa Rasulullah SAW menyenaraikan wanita, keldai dan anjing sebagai faktor pemutus solat. Ini adalah kerana setiap satu daripadanya mempunyai rasionalnya yang tersendiri. Wanita dikatakan memiliki daya tarikan dan kecantikannya yang boleh menyebabkan kurangnya tumpuan semasa solat. Sementara itu keldai pula adalah kerana pada kebiasaannya digunakan untuk membawa barang dagangan dan ia dapat menarik perhatian masyarakat Arab yang terlibat dalam bidang perniagaan. Dan anjing pula dapat mencetuskan rasa tidak senang hati bagi orang yang sedang mendirikan solat kerana bimbang digigit ataupun dikhuatiri akan membatalkan solat kerana najis yang dihasilkan daripada air liurnya.

Ketidakadilan jantina yang dibahaskan melalui hadith ini adalah disebabkan oleh interpretasi dan tafsiran yang berbeza, dan kebarangkalian besar adalah berpunca kepada salah-faham terhadap maksud dan konteks hadith tersebut. Hadith tidak boleh difahami dengan baik sekiranya tidak merujuk kepada *asbāb wurūd* (sebab meriwayatkan hadith) dan maksud istilah khusus dalam bahasa arab yang digunakan di dalam. Kaedah memahami hadith secara kontekstual (Al-Qaradawi, 2006) juga merupakan alat penting yang membantu untuk memahami hadith dengan lebih baik. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk memahami hadith dengan cara yang betul dan membetulkan salah-faham yang terjadi kepada hadith, terutama hadith-hadith yang berkaitan wanita.

## RUJUKAN

1. Ahmad Hanafi. 2003. Liberalisasi Di Inggeris 1970-1990. Jurnal Ilmu Sosial Dan Ilmu politik. Volim 7. M.S 1-27.
2. Abu Dawud, Sulaiman al-Asy’at al-Sijistani. (1999). Sunan Abī Dāwud. c.1. Riyadh: Dar al-Salam.
3. Afshari, R. (1994). Egalitarian Islam and Misogynist Islamic Tradition: A Critique of the Feminist Reinterpretation of Islamic History and Heritage. Critique: Critical Middle Eastern Studies, 3(4), 13–33. <https://doi.org/10.1080/10669929408720047>
4. Al-‘Asqalani, I. H. (1960). Fath al-Bāri Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. (M. F. ‘Abd al-Baqī, Ed.). Beirut: Dar al-Ma’rifah.
5. Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Isma’il. (1999). Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. c.2. Riyadh: Dar al-Salam.
6. Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah. (2000). Musnad al-Dārīmi al-Ma’rūf bi Sunan al-Dārīmi. Husain Salim Asad (ed.). j.2. c.1. Saudi: Dar al-Mughni.
7. Al-Nasa’i, Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad. (1999). Sunan al-Nasa’i al-Ṣughrā. Riyadh: Dar al-Salam.
8. Al-Naysaburi, Abu al-Husain Muslim al-Hajjaj. (2000). Ṣaḥīḥ Muslim. c.2. Riyadh: Dar al-Salam.
9. Al-Nawawi, Muhy al-Din. (2000). Al-Minhaj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj. Syaikh Khalil Ma’mun Syihan (ed.). j.3-4. c.7. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
10. Al-Qaradawi, Y. (2006). Approaching the Sunnah: Comprehension and Controversy. Herndon: IIIT.
11. Al-Qazwini, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Yazid. (1999). Sunan Ibn Mājah. c.1. Riyadh: Dar al-Salam.
12. Al-San’ani, Muhammad bin Isma’il. (1998). Subul al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Marām. Khalil Ma’mun Syihan (ed.). j.1. c.4. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
13. Al-Shawkani, Muhammad bin ‘Ali. (1998). Nail al-Auṭar Syarḥ Muntaqā al-Akhbār min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār. Khalil Ma’mun syihan (ed.). c.1. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
14. Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad. (1994). Al-Mu’jam al-Kabīr. Hamdi bin Abd al-Majid al-Salafi (ed.). j.11. c.1. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
15. Al-Tirmidhi, Abu ‘Isa Muhammad bin ‘Isa. (1999). al-Jāmi’ al-Tirmidhī. c.1. Riyadh: Dar al-Salam.
16. Al-Zarkashi, I. (1980). Al-Ijāba li Irāda mā Istadrakathu ‘A’isha ‘alā al-Ṣaḥāba (Aisha’s corrections of the statements of the companions). Beirut: al-Maktab al-Islami.
17. Ali, K. (2004). “A Beautiful Example”: The Prophet Muhammad Model for Muslim Husbands. Islamic Studies, 43(2), 273–291.
18. Barlas, A. (2002). “Believing Women” in Islam: Unreading Patriarchal Interpretations of the Quran. Austin: University of Texas Press.
19. Hafidz, W. (1993). Misogyny Dalam Fundamentalisme Islam. Jurnal Ulumul Qur’an, 4(3).
20. Hasan, M. M. (2012). Feminism as Islamophobia: A Review of Misogyny Charges Against Islam. Intellectual Discourse, 20(1), 55–78.
21. Hamisan, N. S., & Dahlan, N. M. (2017). The Debate On Anti-Woman Discourse In The Hadith Literature. Journal Of Hadith Studies, 2(1).
22. Ibn Hanbal, Abu ‘Abdullah Ahmad. (2001). Musnad al-Imam Aḥmad bin Hanbal. c.1. Beirut: Muassasah al-Risalah.
23. Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali bin Ahmad (1997). al-Muḥalla: Sharḥ al-Mujalla. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
24. Ibn Khuzaimah, Abu Bakar Muhammad bin Ishak. t.c. Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaimah. Muhammad Mustafa al-A’zami (ed.). j.2. t.c. Beirut: al-Maktab al-Islami.
25. Mernissi, F. (1991). The Veil and the Male Elie: A Feminist Interpretation of Women’s Right in Islam. Cambridge, Massachusetts: Perseus Books.
26. Roded, R. (1999). Women in Islam and the Middle East: A Reader. New York: I.B. Tauris & Co Ltd.
27. Tuksal, H. S. (2000). Kadın Karşıtı Söylemin İslam Geleneğindeki İzdüşümleri. Ankara: OTTO.